

08 APR 1998

Anwar-KWSP

KEUPAYAAN KWSP TERJEJAS JIKA DIVIDEN LEBIH 6.7 PERATUS

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata keupayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan terjejas untuk jangka sederhana dan panjang sekiranya ia memberi kadar dividen melebihi 6.7 peratus bagi tahun lepas.

"Saya simpati dengan pencarum tetapi saya tahu jika kita ambil dan menetapkan kadar yang lebih tinggi, ia akan menjejaskan keupayaan KWSP dalam jangka sederhana dan panjang," katanya di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) yang telah mencelah ucapannya ketika menggulung perbahasan titah diraja. Wakil pembangkang itu bertanya kenapa KWSP mengeluarkan hanya 6.7 peratus dividen bagi tahun lepas, yang dianggap oleh parti itu sebagai paling rendah dalam tempoh 22 tahun, sedangkan Pengerusi KWSP Tan Sri Sallehudin Mohamad sebelum itu pernah berkata pendapatan KWSP bertambah.

Anwar berkata dividen KWSP merosot disebabkan kejatuhan dalam pasaran saham dan kedudukan ekonomi negara terjejas.

"Dapat dividen kita patut bersyukur kerana ada syarikat-syarikat yang kerugian besar dan keuntungan turun," katanya.

Anwar juga berkata langkah-langkah yang telah diambil kerajaan untuk mengatasi kegawatan ekonomi diharapkan dapat membawa pemulihan dalam tempoh sederhana dan jangka panjang.

Katanya, kerajaan mengadakan rundingan dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sekadar ingin menimba pengalaman mereka dan mendapat maklumat terperinci perkembangan serantau dan pandangan mereka tentang pengalaman dan langkah yang perlu diambil.

"Bagaimanapun, Malaysia masih bebas merangka dasar ekonominya sendiri," katanya.

Anwar juga menjelaskan bahawa Malaysia dan IMF masih mempunyai pendapat berbeza berhubung langkah-langkah yang IMF mahu Malaysia laksanakan, terutamanya daripada segi kadar faedah bank.

"IMF rasa kadar faedah kita tak terlalu tinggi dan boleh dipertingkatkan lagi. Bagi kita kadar faedah kita dah tinggi." katanya.

Beliau juga menjelaskan bahawa kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung kenyataan IMF yang berkaitan dengan langkah ekonomi yang diambil oleh Malaysia sebenarnya "saling melengkapi antara satu sama lain."

"Sebenarnya kenyataan Perdana Menteri dan ulasan saya di sini hari ini melengkapi antara satu sama lain. Saya sebut kenyataan positif IMF terhadap Malaysia setelah meneliti secara terperinci langkah-langkah yang kita ambil," katanya.

Beliau menjelaskan walaupun IMF memberi jaminan ekonomi negara ini menuju pemulihan, namun Dr Mahathir menganggap kenyataan IMF itu masih belum memulihkan keyakinan.

"Ini benar," kata Anwar.

Katanya langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan itu adalah sebahagian langkah yang perlu diteruskan.

Mengenai Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), katanya ia mampu menjalankan tugas yang telah ditetapkan kepadanya iaitu mengenal pasti masalah ekonomi negara, punca-puncanya dan strategi bagi menanganinya.

"Dengan demikian, soal mewujudkan badan atau majlis lain bagi menggantikan MTEN tidak berbangkit," katanya.

Mengenai kesesakan di kawasan bandar raya, Anwar berkata kerajaan sedang berbincang dengan pemegang konsesi projek monorel, Syarikat KL PRT Sdn Bhd supaya menyegerakan projek itu.

Mengenai Sabah, katanya, kerajaan pusat telah melaksanakan pelbagai projek termasuk pembinaan kampus Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu dan mempertingkatkan keupayaan Lembaga Elektrik Sabah.

Usaha juga sudah dibuat untuk memperbaiki dan meningkatkan pengeluaran dan pembahagian air melalui Jabatan Bekalan Air Sabah.

--BERNAMA

ARA MAI